



VARIASI PEMAKNAAN *USLUB AL-TANBIH* DALAM AL-QURAN

[VARIATION OF MEANING *USLUB AL-TANBIH* IN AL-QUR'AN]

MUHAMMAD AMMAR FARHAN RAMLAN,¹ & MOHD ADI AMZAR MUHAMMAD NAWAWI^{*2}

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Persiaran Putra, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, MALAYSIA

^{*2} Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA. E-mail: adiamzar@usim.edu.my

Received: 18 December 2020

Accepted: 18 Januari 2021

Published: 5 Februari 2021

Abstrak: Kajian ini memfokuskan kepada *uslub al-Tanbih* yang merupakan salah satu daripada *asalib* yang terdapat di dalam al-Quran. Ia merupakan kaedah berseni dan panduan efektif untuk tujuan komunikasi dan interaksi sesama manusia. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk menarik perhatian pihak kedua iaitu orang yang ditujukan berkenaan sesuatu percakapan supaya memberi perhatian penuh serta mendengar dengan teliti berkenaan isi kandungan yang disampaikan oleh pihak pertama iaitu orang yang bercakap. Oleh demikian, kajian ini berbentuk kualitatif dengan mengaplikasikan kaedah analisis dokumen sebagai kaedah utama pemerolehan data. Seterusnya, data-data yang diperolehi dikumpul dan dianalisis bagi menghasilkan kaedah-kaedah *uslub al-Tanbih* bersumberkan pandangan para ulama *lughah*, ‘ulum al-Qur'an dan *mufassirin*. Hasil kajian ini telah menemukan beberapa *asalib* atau gaya bahasa *uslub al-Tanbih* yang terdapat dalam al-Quran iaitu *uslub al-Istifham*, *uslub al-Tikrar*, huruf *hijai'iyyah* dan juga *uslub al-du'a'*. Justeru, kajian ini telah membuktikan bahawa al-Quran adalah kitab mukjizat yang datang daripada Allah SWT dari sudut keindahan bahasa al-Quran dan kefasihannya. Turut dibuktikan juga bahawa al-Quran adalah sebaik-baik panduan bagi umat manusia dari segenap aspek dalam menjalani kehidupan sehari-hari..

Kata Kunci: variasi pemaknaan, *uslub*, *al-Tanbih*, al-Quran.

Abstract: This study focuses on the *uslub al-Tanbih* which is one of the *asalib* contained in the Quran. It is an artistic method and an effective guide for the purpose of communication and interaction among human beings. In addition, it also aims to attract the attention of the second party that is the person addressed regarding a conversation to give full attention and listen carefully to the content presented by the first party that is the person who speaks. Therefore, this study is qualitative study by applying document analysis method as the primary method of data acquisition. Subsequently, the data collected were analyzed and analyzed to generate *uslub al-Tanbih* methods based on the views of the ulama *lughah*, ‘ulum al-Qur'an and *mufassirin*. The results of this study have found several origins or styles of *uslub al-Tanbih* found in the Quran such as *uslub al-Istifham*, *uslub al-Tikrar*, *huruf hijai'iyyah* and *uslub al-du'a'*. Hence, this study has proven that the Quran is a miraculous book that comes from Allah SWT from the perspective of the beauty of the Quran and its eloquence. It is also proven that the Qur'an is the best guide for mankind from all aspects of life.

Keywords: The diversity of meanings, *uslub*, *al-Tanbih*, al-Quran.

Cite This Article:

Muhammad Ammar Farhan Ramlan & Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi. (2021). Variasi pemaknaan *uslub al-tanbih* dalam al-Quran [Variation of meaning ‘*uslub al-tanbih* in al-Qur'an]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(1), 13-25.

PENGENALAN

Kajian bertujuan untuk meneliti dan melihat peranan yang dimainkan oleh *uslub al-Tanbih* dalam mewarnai dan memvariasikan pemaknaan dan mesej yang ingin disampaikan menerusi al-Quran. Umum mengetahui berkenaan kehebatan al-Quran yang bukan sahaja berfungsi sebagai *masdar* atau sumber utama pensyariatan hukum hakam Islam, bahkan lebih daripada itu terkandung seribu satu rahsia yang sangat besar untuk disingkapkan terutamanya yang melibatkan pemaknaan perkataan mahupun ayat-ayat yang terdapat dalam al-Quran. Menyoroti hikmah dan rahsia di sebalik untaian perkataan dan ayat al-Quran ini sememangnya memerlukan satu deria kekuatan akal untuk berinteraksi dengan *kalam Allah* dibantu dengan kefahaman para *mufassirin* atau ahli tafsir dalam merungkaikan setiap hikmah tersebut. Justeru dalam ruang yang terhad ini, kertas kerja ini ingin melihat signifikasi yang terjalin khususnya yang melibatkan *uslub al-tanbih* dan perkaitannya dengan *al-nida'*. Oleh demikian, bagi memudahkan perbincangan, kertas kerja ini akan dibahagikan kepada beberapa bahagian penting iaitu definisi konsep *uslub al-tanbih*, kemudian disusuli dengan pengenalan kepada *adawat uslub al-tanbih*, fokus terus dengan melihat variasi atau ragam pemaknaan *uslub al-tanbih* yang terdapat dalam al-Quran dan terakhir adalah kesimpulan.

DEFINISI KONSEP USLUB al-TANBIH

Perkataan *uslub* adalah perkataan *mufrad* yang bermaksud *tariq* iaitu cara, sebagai contoh *tariq al-katib fi kitabatih* iaitu cara penulis di dalam penulisannya. Perkataan *jama'* bagi perkataan ini ialah *asalib* (Imil Badi' Ya'qub 2004:57). al-Zabidiyy mendefinisi *uslub* kepada tiga maksud iaitu *al-Wajh* dan *al-Madhhab* iaitu bentuk dan aliran, sebagai contoh *hum fi uslub su'* iaitu bentuk mereka yang buruk. Maksud yang kedua ialah *tariq* iaitu cara, sebagai contoh *wa kalamuh 'ala asalib hasanah* iaitu dan kata-katanya di atas cara-cara yang baik. Manakala maksud ketiga pula ialah *al-Fan* iaitu seni, sebagai contoh *akhadha fulan fi asalib min al-Qawl* iaitu si fulan telah mengambil seni daripada kata-katanya (al-Zabidiyy t.t:71). Definisi ini juga hampir sama seperti definisi yang dikemukakan oleh al-Zamakhsyariyy di dalam kitabnya *Asas Balaghah* (al-Zamakhsyariyy 1998:468) dan juga oleh Ibn Manzur di dalam kitabnya *Lisan al-'Arab* (Ibn Manzur 1441:473). Oleh yang demikian, maksud *uslub* dari segi bahasa yang bersesuaian di dalam kajian ini ialah *tariq* iaitu cara, iaitu cara yang dilalui oleh orang yang bercakap dalam menyampaikan apa yang ingin disampaikan.

Manakala, definisi *uslub* dari sudut istilah menurut al-Zurqaniyy terbahagi kepada empat definisi iaitu cara percakapan yang di lalui oleh orang yang bercakap pada penyusunan ucapannya dan pemilihan ungkapannya. Kedua, ia adalah aliran percakapan yang tersendiri yang digunakan oleh orang yang bercakap pada penyampaian makna-maknanya dan tujuan-tujuannya daripada ucapannya. Ketiga, iaitu ciri khusus percakapan. Definisi yang terakhir ialah seni percakapan yang tersendiri oleh orang yang bercakap (al-Zurqaniyy t.t:303). Di dalam kitab *al-Balaghah al-Wadihah*, *uslub* ialah sesuatu makna yang dibentuk dari perkataan-

perkataan yang tersusun diatas suatu gambaran yang lebih hampir untuk mencapai maksud sebenar dari ucapan dan ia lebih berkesan kepada diri para pendengar ('Ali al-Jarim dan Mustafa Amin t.t:12). Manakala Ahmad Hasan al-Zayyat mendefinisikan *uslub* adalah cara tersendiri oleh penulis atau penyair pada pemilihan ungkapan dan penyusunan percakapan (Ahmad Hasan al-Zayyat 1967:70). Berdasarkan definisi-definisi yang telah di kemukakan tadi, pengkaji berpendapat definisi *uslub* dari segi istilah ialah cara tersendiri yang digunakan oleh orang yang bercakap dan penulis di atas suatu gambaran yang lebih hampir untuk mencapai maksud sebenar dari percakapan.

Seterusnya, definisi bagi perkataan *al-Tanbih* menurut ulama etimologi ialah perkataan *masdar* yang berasal daripada kalimah *fi 'il, nabbah* yang bermaksud menarik perhatian (Ahmad Mukhtar 'Umar 2008:1,265). Ia juga bermaksud membangunkan, sebagai contoh *nabbah min al-Nawm fatanabbah* iaitu dia telah membangunkannya daripada tidur, lalu dia bangun (In'am Fawwal 'Akkawiyy 2006:434). Selain itu, Ibn Faris (t.t:384), Jamaluddin Ibn Manzur (1414:546-547), al-Fayruz Abadiyy (2005:1254) dan al-Zabidiyy (t.t:517-521) berpendapat bahawa ia berasal daripada *al-Nabah*, huruf *al-Nun* berbaris *fatah* serta *tasydid* dan huruf *al-Baa'* berbaris *fatah*, yang membawa tiga maksud iaitu *al-intibah min al-Nawm* iaitu bangun daripada tidur. Kedua, *al-Dalah tujad 'an ghaflah* iaitu barang hilang yang dijumpai tanpa dicari, sebagai contoh *wajadtu haza al-Syai nabaha wa adlaltuh nabaha* iaitu aku perolehi sesuatu ini tanpa dicari dan aku menghilangkannya tanpa disedari. Ketiga, *al-Dalah la yudri mata dallat wa ayn hi* iaitu barang hilang yang tidak diketahui bila hilang dan di mana hilang, sebagai contoh *faqadtu al-Syai nabaha ay la 'ilm li kayf adlaltuh* bermaksud aku telah kehilangan sesuatu secara tanpa disedari, iaitu aku tidak ketahui bagaimana aku telah menghilangkannya. Mereka juga menyatakan bahawa ia juga berasal daripada perkataan *nabuh yanbuuh nabahatan fahu nabih wa nabih* iaitu menunjukkan kepada ketinggian, kemuliaan dan kemasyhuran. Sebagai contoh *rajul nabih* iaitu lelaki itu mulia, *amr nabih* iaitu sesuatu perkara yang mulia. Kata berlawanannya ialah *khamil* iaitu bodoh atau dungu. al-Jurjaniyy pula berpendapat definisi *al-Tanbih* dari segi bahasa ialah *dalahlah* iaitu bimbingan terhadap apa yang dilupai oleh *al-Mukhatab* iaitu pihak kedua (al-Jurjaniyy 1983: 67). Maka, pengkaji memahami bahawa pengertian *al-Tanbih* dari sudut bahasa mempunyai beberapa maksud antaranya ialah membangunkan seseorang daripada tidur yang di ambil daripada asal perkataan *nabbah*, dan *al-Nabah*. Kedua, *nabbah* (نَبَّةٌ) iaitu menarik perhatian seseorang. Ketiga, *al-Dalah tujad 'an ghaflah* iaitu barang hilang yang di jumpai tanpa di sedari. Keempat, *al-Dalah la yudri mata dallat wa ayn hi* iaitu barang hilang yang tidak di ketahui bila hilang dan di mana hilang. Terakhir, iaitu menunjukkan kepada sesuatu kedudukan yang tinggi dan mulia, *nabuh yanbuuh nabahatan fahu nabih wa nabih*.

Selanjutnya, pengkaji ingin menjelaskan definisi *al-Tanbih* dari sudut istilah daripada pandangan para ulama dari pelbagai sudut di antaranya mengaitkan ia dengan struktur gaya bahasa, antonasi penyampai, *balaghah*, psikologi, fisiologi dan falsafah. Merujuk di dalam kitab *Mu'jam al-Balaghah al-'Arabiyyah*, *al-Tanbih* ialah seseorang bercakap kemudian menyertakan percakapan itu dengan sesuatu yang menguatkannya serta menegaskan maknanya (Badwi Tabanah 1988:655). Dr Muhammad al-Tunjiyy mengemukakan pengertian *al-Tanbih* ialah mengalihkan perhatian pihak kedua terhadap sesuatu perkara (al-Tunjiyy t.t:206). Manakala, di dalam *Mu'jam al-Mufassal Fi al-Lughah Wa al-Adab* menyatakan bahawa *al-Tanbih* ialah pemberitahuan apa yang terkandung di dalam perasaan pihak pertama kepada

pihak kedua melalui cara peringatan (Imil Badi‘ Ya‘qub dan Misyal ‘Asiyy 1987:1 460). al-Jurjaniyy memberikan pengertian *al-Tanbih* kepada dua pengertian iaitu apa yang di fahami daripada kesimpulan (sesuatu ayat atau ungkapan) dengan penelitian yang minimum sebagai pemberitahuan tentang apa yang ada dalam diri pihak pertama (orang yang bercakap) kepada pihak kedua (orang yang ditujukan percakapan). Kedua, ialah suatu kaedah yang boleh diketahui dengannya akan perbincangan (perkara) seterusnya secara kasar (umum) (al-Jurjaniyy 1983:93). Adapun para ulamak *al-Usul* pula mendefinisikan *al-Tanbih* ialah *al-Ima'* iaitu tanda isyarat (al-Zuhayliyy 2006:152).

Seterusnya, dilihat pandangan *al-Tanbih* dari sudut ilmu psikologi dan fisiologi seperti yang dinyatakan oleh Dr Jamil Salibah *al-Tanbih* dari sudut pandang ilmu psikologi adalah dorongan untuk melakukan sesetengah perbuatan atau rangsangan terhadap sesetengah deria dan perasaan, atau peningkatan keaktifan minda kerana kesan beberapa faktor luaran. Manakala, dari sudut pandang ilmu fisiologi ialah memberi rangsangan terhadap hujung saraf-saraf deria yang menyebabkan menghasilkan tindakan reflek yang zahir atau menghasilkan satu tindak balas terhadap sel-sel badan atau jiwa atau anggota-anggota badan (Jamil Saliba 1982:352). Dr. Fakhir ‘Aqil pula berpendapat di dalam *Mu‘jam ‘Ilm al-Nafs*, *al-Tanbih* ialah suatu proses peralihan yang efektif dan sebenar dalam jiwa yang hidup seumpama proses yang memberi kesan terhadap otot dengan perantaraan alat perangsang (Fakhir ‘Akil 1985:41). Konklusinya, setelah mengamati definisi-definisi di atas pengkaji berpendapat definisi *al-Tanbih* dari sudut istilah yang sesuai di dalam kajian ini ialah menarik perhatian pihak kedua dengan kaedah ungkapan yang tertentu oleh pihak pertama untuk merangsang minda, deria serta perasaan seseorang terhadap sesuatu perkara.

Rumusannya, setelah melihat pelbagai pandangan bagi setiap definisi kedua-dua perkataan iaitu *uslub* dan *al-Tanbih* maka pengkaji mendefinisikan *uslub al-Tanbih* di dalam al-Quran ialah cara tersendiri yang digunakan pada kalam Allah SWT dengan tujuan untuk menarik perhatian pihak kedua agar minda, deria serta perasaannya terangsang terhadap sesuatu perkara yang ingin di sampaikan.

ADAWAT USLUB AL-TANBIH

Adawat ialah perkataan *jama'*, adapun perkataan *mufrad* bagi *adawat* ialah *al-Adah*. *al-Adah* dari sudut bahasa ialah *al-Alah* iaitu alat. Adapun *adawat* dari sudut istilah ialah huruf dan apa yang terkandung daripada makna daripada *al-Zuruf* iaitu kata keterangan, *al-Asma'* iaitu kata nama dan *al-Af'al* iaitu perbuatan. Sebagai contoh, *hasya*, *lays*, *la yakun*, *siwa*, *min*, *fi*, *'an*, *al-Lam*, *rubb*, dan *ams* ('Azizah Fawwal Babatiyy 1992: 67).

Maka, *adawat uslub al-Tanbih* ialah huruf-huruf yang terkandung padanya makna menarik perhatian. Selanjutnya, pembahagian *adawat uslub al-Tanbih* terbahagi kepada dua bahagian iaitu huruf-huruf menarik perhatian yang diseru dan huruf-huruf menarik perhatian yang tidak diseru (Mawhub Ahmad 2006: 6). Seperti yang dinyatakan pada definisi konsep *uslub al-Tanbih* bahawa ia adalah konsep umum yang mempunyai matlamat asas iaitu menarik perhatian orang yang diseru agar memberi perhatian penuh serta mendengar terhadap isi kandungan perhatian itu. Lantaran itu, *uslub al-Nida'* merupakan salah satu bahagian penting dan mempunyai hubungan yang kuat di dalam mencapai matlamat asas *uslub al-Tanbih*.

Para ulama *al-Nahwiyyun* berselisihan pendapat di dalam menentukan bilangan huruf *uslub al-Nida'*. Ada pendapat mengatakan lima huruf, tujuh huruf dan juga lapan huruf. Di kalangan ulama *Basrah* berpendapat bilangannya lima huruf, Ibn Malik berkata “Terdapat lima huruf lafaz seruan di sisi ahli-ahli *Basrah* dengan huruf-huruf tersebut dapat mengingatkan seperti *ya*, *aya*, *haya*, *aiy* dan *al-Hamzah*” (Ibn Malik t.t: 1288). Di kalangan ulama *Kuffah* pula menambah dua huruf iaitu huruf *al-Hamzah al-Mamduah* yang berbaris atas dan *aiy* yang kedua-duanya digunakan untuk seruan jarak jauh (Ibn Malik t.t: 1289). Seterusnya, terdapat ulama menambah huruf *wa* yang dikhurasukan untuk seruan ratapan atau penderitaan kesakitan, sebagai contoh *wa zaydah* atau ia juga adalah seruan seperti *wa zayd* (al-Zabidiyy t.t:517).

Oleh itu, huruf-huruf *uslub al-Nida'* yang mencapai matlamat atas *uslub al-Tanbih* ialah sebanyak lima huruf sahaja iaitu *ya*, *aya*, *haya*, *al-Hamzah* dan *aiy*. Ini kerana, huruf *al-Hamzah al-Mamduah* yang berbaris atas dan *aiy* adalah huruf yang berasal daripada huruf *al-Hamzah* dan *aiy*. Perbezaannya hanya adalah dari sudut jarak penggunaan sahaja iaitu huruf *al-Hamzah al-Mamduah* yang berbaris atas dan *aiy* adalah untuk jarak jauh, adapun huruf *al-Hamzah* dan *aiy* untuk jarak dekat. Manakala, seruan huruf *wa* ratapan tidak mencapai matlamat atas *uslub al-Tanbih* kerana seruannya adalah untuk orang yang menderita kesakitan bukan bertujuan untuk menarik perhatian pihak kedua agar mendengar terhadap isi kandungan perhatian oleh pihak pertama ('Abd al-Hamid Hamudiyy 'Ilwan 2005:131-140).

Manakala bahagian kedua iaitu huruf-huruf menarik perhatian yang tidak diseru mempunyai enam bilangan seperti *ala*, *ama*, *ha*, *kalla*, *halumm* dan *way*. Para ulama *lughah* dan *mufassirin* bersepakat menyatakan bahawa huruf *ala*, *ama* dan *ha* merupakan huruf yang membawa elemen *al-Tanbih* kepada pihak kedua. Para ulama bersepakat bahawa huruf *ala* merupakan huruf *al-Istiftah* iaitu pembukaan percakapan dan ia juga adalah huruf *al-Tanbih*. Diantaranya Ibn Jinni telah berkata “pada huruf *ala* di dalam percakapan mempunyai dua makna iaitu pembukaan percakapan dan menarik perhatian (Ibn Jinniyy t.t:281). Kemudian, Ibn Ya‘isy menjelaskan bahawa “huruf *ama* adalah huruf menarik perhatian serta menegaskan ucapan yang berada selepas huruf *ama* (Ibn Ya‘isy 2001:44). Ketiga, huruf *ha* menurut pandangan al-Zabidiyy (al-Zabidiyy t.t:531) dan Jawhariyy al-Farabiyy (Jawhariyy al-Farabiyy 1987:2557) merupakan di antara huruf yang berperanan menarik perhatian pihak kedua. Di antara kedudukan huruf *ha* yang dapat dilihat di dalam al-Quran ialah huruf *ha* bergabung dengan *asma' al-Isyarah* iaitu kata ganti penunjuk. Ia bergabung samada dalam bentuk *mufrad muzakkar* iaitu seorang lelaki, *mufrad muannath* iaitu seorang perempuan, *muthanna* iaitu mempunyai dua serta bahagian-bahagiannya dan *jama'* iaitu ramai serta bahagian-bahagiannya (Fathallah Salih al-Misriyy t.t:133-150). Seterusnya, huruf *ha* bergabung selepas huruf *aiy uslub al-Nida'* iaitu *ayyuha*, huruf *ha* bergabung dengan *damair al-Marfu'ah* iaitu kata ganti nama yang *marfu'* dalam keadaan terpisah di antara keduanya, huruf *ha* bergabung dengan kata ganti penunjuk untuk tempat seperti *huna*, *hanna* dan *hinna* (Fathallah Salih al-Misriyy t.t:166-179).

Manakala, huruf *kalla*, *halumm* dan *way* adalah huruf-huruf yang diperselisikan oleh para ulama akan kehujahannya sebagai huruf yang membawa elemen *al-Tanbih* ataupun tidak. Namun begitu, berdasarkan pengamatan pengkaji terhadap penghujahan para ulama pada ketiga-tiga huruf tersebut, ianya mempunyai elemen *al-Tanbih* yang mencapai matlamat atas *uslub al-Tanbih*. Menurut pandangan Muhammad al-Khudariyy dalam kitab berjudul Hasyiyah al-Khudariyy ‘Ala Syarh Ibn ‘Aqil ‘Ala Alfiyyah Ibn Malik menyatakan bahawa huruf *kalla*

ialah huruf *ala istiftah* iaitu pembukaan percakapan serta ia menarik perhatian pihak kedua (Muhammad al-Khudariyy 1995:191). Kemudian, huruf *halumm* ialah satu kalimah yang meminta kepada sesuatu. Ia berasal daripada huruf *ha al-Tanbih* dan *lumm* iaitu dekati. Kemudian, kedua-dua huruf ini digabungkan menjadi satu kalimah *halumm*, adapun huruf *al-Alif* pada *ha al-Tanbih* telah digugurkan bertujuan untuk memudahkan penyebutan (Fakhr al-Din al-Raziyy 1420:176). Adapun huruf *waw* adalah huruf yang menarik perhatian pihak kedua juga berserta pencegahan. Ia adalah gesaan kepada pihak kedua agar mencegah daripada berlakunya kecelakaan atau musibah (al-Maliqiyy 1394:442).

VARIASI PEMAKNAAN USLUB AL-TANBIH

Kajian terhadap *uslub al-Tanbih* di dalam bahasa Arab adalah luas kajiannya terutama di dalam al-Quran, di mana sukar untuk ditetapkan pembahagiannya. Pembahagian *uslub al-Tanbih* bukan hanya pada *uslub al-Nida'* iaitu cara penyeruan sahaja, bahkan terdapat *asalib* yang lain mampu menarik perhatian pihak kedua seperti *uslub al-Istifham* iaitu cara pertanyaan, *uslub al-Du'a'* iaitu cara permohonan, *al-Iltifat* iaitu mengubah daripada satu cara bentuk kepada cara bentuk yang lain, *kinayah* iaitu perumpamaan, *al-Fasilah* iaitu penghujung sesuatu ayat al-Quran, huruf *hijai'yyah*, *al-Tikrar* iaitu pengulangan dan sebagainya. Justeru itu, pengkaji hanya membawa beberapa *uslub* yang mudah di kesan melalui huruf-hurufnya atau tandanya di dalam al-Quran.

Uslub al-Istifham

al-Istifham dari sudut bahasa ialah meminta pengetahuan iaitu pertanyaan. Adapun, dari sudut istilah ialah pertanyaan kepada pihak kedua terhadap apa yang terkandung di dalam hatinya atau meminta penjelasan tentang hakikat sesuatu perkara, namanya, bilangannya atau sifat daripada sifat-sifatnya (Jalal al-Din al-Suyutiyy 1974:267, al-Jurjaniyy 1983:18 & ‘Azizah Fawwal Babatiyy 1992:87). Maka, dapat difahami bahawa *al-Istifham* ialah meminta maklumat terhadap sesuatu perkara yang belum di ketahui sebelum ini dengan menggunakan huruf yang khusus baginya (‘Abd al-‘Aziz ‘Atiq 2009:88).

Bilangan bagi huruf *al-Istifham* sebanyak 11 huruf. Huruf-hurufnya ialah *al-Hamzah* iaitu adakah?, *hal* iaitu adakah?, *ma* iaitu apakah?, *min* iaitu daripada?, *aiy* iaitu manakah?, *kam* iaitu berapa?, *kayf* iaitu bagaimana?, *ayn* iaitu di mana?, *anna* mempunyai empat maksud iaitu daripada mana?, bagaimana?, bilakah? dan di mana?, *mata* iaitu bila? dan *ayyan* iaitu bilakah waktu?. Secara asasnya huruf-huruf *al-Istifham* bertujuan meminta maklumat atau penjelasan terhadap sesuatu perkara. Namun di sana terdapat tujuan yang berbeza daripada tujuan asalnya iaitu seperti kekaguman, pengukuhan, suruhan, larangan, menarik perhatian di atas kesesatan yang telah dilakukan, janji buruk, ugutan, kelewatan, penegasan, pengagungan, penyangkalan disertai dengan teguran, penghinaan, ejekan, penghindaran, penyamarataan, rangsangan, dan pengharapan (Jalal al-Din al-Qazwiniyy al-Syafi‘iyy t.t:55-67 & Fadl Hasan ‘Abbas 1997:190-202).

al-Suyutiyy menjelaskan bahawa *al-Istifham* yang membawa maksud *al-Tanbih* adalah sebahagian daripada bahagian *al-Amr* iaitu arahan, firman Allah SWT:

أَلَمْ تَرِ إِلَيْ رَبِّكَ كَيْفَ مَدَ الظُّلْلُ وَلَوْ شَاءَ لَجَعَلَهُ سَاكِنًا ثُمَّ جَعَلَنَا الْشَّمْسَ عَلَيْهِ دِلِيلًا

Maksudnya: Tidakkah engkau melihat kekuasaan Tuhanmu? Bagaimana Dia menjadikan bayang-bayang itu terbentang (luas kawasannya) dan jika Diakehendaki tentulah Dia menjadikannya tetap (tidak bergerak dan tidak berubah)! Kemudian Kami jadikan matahari sebagai tanda yang menunjukkan perubahan bayang-bayang itu. (al-Quran, Surah al-Furqan, 25:45)

Huruf *al-Hamzah al-Istifaham* pada ayat ini memberi makna *unzur* iaitu lihatlah. Contoh lain *uslub al-Istifaham* yang membawa maksud *al-Tanbih* ialah menarik perhatian di atas kesesatan yang telah dilakukan seperti pada firman Allah SWT:

فَأَيْنَ تَذَهَّبُونَ

Maksudnya: (Dengan yang demikian) maka ke manakah kamu hendak pergi (kiranya kamu masih menyeleweng dari jalan al-Quran)? (al-Quran, Surah al-Takwir, 81:26)

Pertanyaan di dalam ayat ini adalah pertanyaan yang hakiki kerana maksud *ayn tadhabhab* iaitu beritahu kepadaKu dimana lagi tempat kamu ingin pergi?. Bahkan, sebenarnya mereka berada di dalam kesesatan yang tidak mereka ketahui ke mana ingin mereka pergi (Jalal al-Din al-Suyutiyy 1974:275)

Uslub al-Du‘a’

al-Du‘a’ ialah permintaan kepada pihak yang diseru agar menghampiri kepada penyeru atau ia bermaksud penyeru berhajat kepada Allah SWT (al-Fayruz Abadiyy 2005:1282 dan ‘Abd al-Rahman Hasan Habannakah al-Maidaniyy 1996:255). Didapati kalimah *al-Du‘a’* di dalam al-Quran membawa beberapa bentuk pengertian iaitu ibadah, pertolongan, permintaan, ucapan, seruan dan panggilan (Jalal al-Din al-Suyutiyy 1974:155). Contoh *al-Du‘a’* yang bererti ibadah, firman Allah SWT:

وَلَا تَدْعُ مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُكَ وَلَا يَضُرُّكَ فَإِنْ فَعَلْتَ فَإِنَّكَ إِذْ أَنْتَ مِنَ الظَّالِمِينَ

Maksudnya: Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) menyembah atau memuja yang lain dari Allah, yang tidak dapat mendatangkan manfaat kepadamu dan juga tidak dapat mendatangkan mudarat kepadamu. Oleh itu, sekiranya engkau mengerjakan yang demikian, maka pada saat itu menjadilah engkau dari orang-orang yang berlaku zalim (terhadap diri sendiri dengan perbuatan syirik itu). (al-Quran, Surah Yunus, 10:106)

Contoh *al-Du'a'* yang bererti pertolongan, firman Allah SWT:

وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

Maksudnya: dan panggilah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar. (al-Quran, Surah al-Baqarah, 2:23)

Contoh *al-Du'a'* yang bererti permintaan, firman Allah SWT:

وَقَالَ رَبُّكُمْ أَدْعُونِي أَسْتَحِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ

Maksudnya: Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sompong takbur daripada beribadat dan berdoa kepadaKu, akan masuk Neraka Jahannam dalam keadaan hina. (al-Quran, Surah Ghafir, 40:60)

Contoh *al-Du'a'* yang bererti seruan, firman Allah SWT:

يَوْمَ يَدْعُوكُمْ فَتَسْتَجِيْبُونَ بِحَمْدِهِ وَتَظْنُونَ إِنْ لَّبِثْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا

Maksudnya: (Ingatlah akan) hari Dia menyeru kamu lalu kamu menyahut sambil memuji kekuasaanNya, dan kamu menyangka, bahawa kamu tinggal (dalam kubur) hanya sebentar. (al-Quran, Surah al-Isra',17:52)

Contoh *al-Du'a'* yang bererti panggilan, firman Allah SWT:

لَا تَحْعَلُوا دُعَاءَ الْرَّسُولِ يَبْنَكُمْ كَدُعَاءِ بَعْضِكُمْ بَعْضاً

Maksudnya: Janganlah kamu jadikan seruan atau panggilan Rasulullah di antara kamu seperti seruan atau panggilan sesama kamu. (al-Quran, Surah al-Nur, 24:63)

Apa yang ingin dibincangkan di sini ialah pada salah satu pengertian *al-Du'a'* iaitu permintaan daripada seorang hamba kepada Maha Pencipta, samada permintaan tersebut untuk kebaikan atau kebinasaan. Sebagai contoh, *rabbana taqabbal minn* iaitu wahai Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kebaikan), atau *tabbat yada abi lahab wa tabb* iaitu binasalah kedua-dua tangan Abu Lahab dan binasalah ia bersama (Ibrahim al-Samira'iyy 198:14-20). *Uslug al-Du'a'* mempunyai unsur menarik perhatian seperti penggunaan huruf *ya uslub al-Nida'* di dalam *al-Du'a'* seperti ya Malik al-Mulk iaitu wahai Raja bagi segala kerajaan!. Setiap permintaan seseorang telah menarik perhatian Allah SWT agar mendengar dan menerima permintaannya. Pada hakikatnya, Allah SWT tidak berhajat kepada menarik perhatian kerana

di antara tujuan menarik perhatian ialah mengingati pihak kedua di atas kecuaianya atau kealpaannya. Maha Suci Allah daripada kecuaian dan kealpaan! ('Abd al-Fattah Muhammad t.t:16). Walau bagaimanapun, *uslub al-Du'a'* yang terdapat di dalam al-Quran merupakan salah satu cara yang dapat menarik perhatian pembaca dan pendengar kerana terdapat mesej pengajaran kebaikan dan keburukan di dalam isi kandungan sesuatu *al-Du'a'*. Selain itu, didapati kerap digunakan huruf *ya uslub al-Nida'* di dalam *uslub al-Du'a'* (Abd al-Fattah Muhammad t.t: 17).

Huruf Hija'iyyah

Huruf *hijai'yyah* atau huruf *al-Muqatta'ah* ialah huruf-huruf yang terbentuk daripada huruf-huruf yang telah diketahui oleh bangsa Arab yang ianya terletak pada permulaan sesetengah surah-surah di dalam al-Quran. Ia mempunyai pelbagai tafsiran dari kalangan para ulama *mufassirin*.

Walau bagaimanapun, kebanyakan para ulama *mufassirin* mengatakan huruf *al-Muqatta'ah* adalah salah satu *uslub* di dalam al-Quran yang dapat mempesona serta menarik perhatian pendengar dan pembaca sebelum sesuatu perkara disampaikan. Bahkan, kehebatan huruf *al-Muqatta'ah* ini mampu untuk mengalahkan pihak lawan yang tidak beriman kepada al-Quran terutama dari kalangan para sasterawan Arab. Ini kerana, mereka tidak mampu untuk menyusun atau membentuk seperti mana pembentukan huruf *al-Muqatta'ah* di dalam syair-syair atau ucapan mereka. Huruf *al-Muqatta'ah* telah membuktikan bahawa al-Quran adalah kitab mukjizat yang datang daripada Allah SWT (Muhammad 'Ali al-Sabuniyy 1997:2).

Bilangan surah yang dimulai dengan huruf *al-Muqatta'ah* di dalam al-Quran sebanyak 29 surah. Ia terbahagi kepada 5 bahagian iaitu seperti berikut (Ali Ibn Muhammad al-Diba' 2005:77 & al-Raghib al-Asfahaniyy 1990:70):

1. Tiga surah yang dimulai dengan satu huruf seperti huruf *sad*, *qaf* dan *nun*.
2. Sembilan surah yang dimulai dengan dua huruf seperti *taha*, *yasin*, *tasin* dan 6 surah daripada *al-Hawamim*.
3. Tiga belas surah yang dimulai dengan tiga huruf seperti 9 surah daripada *alif lam mim*, 5 surah daripada *alif lam ra'* dan dua surah daripada *ta sin mim*.
4. Dua surah yang dimulai dengan empat huruf iaitu *alif lam mim ra'* dan *alif lam mim sad*.
5. Dua surah yang dimulai dengan lima huruf iaitu *kaf ha ya 'ayn sad* dan *ha mim 'ayn sin qaf*.

Uslub al-Tikrar

Uslub al-Tikrar di dalam al-Quran ialah pengulangan kalimah, *al-Adah*, ayat, *fasilah* dengan bentuk yang sama di dalam satu surah atau penceritaan yang terdapat di dalam al-Quran yang melebihi daripada sekali yang membawa tujuan tertentu. Ia merupakan salah satu bahagian daripada bahagian-bahagian *al-It nab* iaitu panjang lebar di dalam percakapan. Menurut pandangan Jalal al-Din al-Suyutiyy (1974:224), 'Abd al-'Azim Ibrahim Muhammad al-

Mut‘iniyy (1992:321) serta Imil Badi‘ Ya‘qub dan Misyal ‘Asiyy (1987:165-166) menyatakan bahawa di antara faedah *al-Tikrar* di dalam al-Quran ialah:

1. Pengukuhan iaitu sesuatu kandungan ucapan menjadi bertambah kukuh apabila ia diulang berkali-kali, firman Allah SWT:

وَكَذَلِكَ أَنْزَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا وَصَرَفْنَا فِيهِ مِنَ الْوَعِيدِ لِعَلَّهُمْ يَتَقَوَّنُونَ أَوْ يُحَدِّثُ لَهُمْ ذَكْرًا

Maksudnya: Dan demikianlah Kami telah menurunkan al-Quran sebagai bacaan dalam bahasa Arab dan kami telah terangkan di dalamnya berbagai-bagai amaran supaya mereka (umat manusia seluruhnya) bertakwa atau mereka mendapat daripadanya sesuatu peringatan dari faedah mereka. (al-Quran, Surah Taha, 20:113)

2. Penegasan di dalam memberi peringatan, firman Allah SWT:

كَلَا سَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٣﴾ كَلَا سَوْفَ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: Jangan sekali-kali (bersikap demikian)! Kamu akan mengetahui kelak (akibatnya yang buruk semasa hendak mati)!. Sekali lagi (diingatkan): Jangan sekali-kali (kamu bersikap demikian)! Kamu akan mengetahui kelak akibatnya yang buruk pada hari kiamat)! (al-Quran, Surah al-Takathur, 102:3 dan 4)

3. Meningkatkan tahap perhatian di atas penafian terhadap tuduhan agar pihak kedua menerima ucapan tersebut, firman Allah SWT:

أَسْبَبَ الْمُسْمَوَاتِ فَأَطْلَعَ إِلَى إِلَهٍ مُوسَىٰ وَإِنِّي لَأَظْنُهُ كَذِبًا وَكَذَلِكَ زُيْنَ لِفَرْعَوْنَ سُوءُ عَمَلَهُ
وَصُدُّ عَنِ الْسَّبِيلِ وَمَا كَيْدُ فِرْعَوْنَ إِلَّا فِي تَبَابِ ﴿٤﴾ وَقَالَ الَّذِي عَامَنَ يَقُولُ أَتَبْعُونَ أَهْدِكُمْ
سَبِيلَ الْرُّشَادِ ﴿٥﴾ يَقُولُ إِنَّمَا هَذِهِ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا مَتَعَ وَإِنَّ الْآخِرَةَ هِيَ دَارُ الْقَرَارِ

Maksudnya: (Iaitu) ke pintu-pintu langit, supaya aku dapat melihat Tuhan Musa dan sesungguhnya aku percaya Musa itu seorang pendusta! Demikianlah diperhiaskan (oleh Syaitan) kepada Firaun akan perbuatannya yang buruk itu untuk dipandang baik, serta dia dihalangi dari jalan yang benar dan tipu daya Firaun itu tidak membawanya melainkan ke dalam kerugian dan kebinasaan. Dan berkatalah pula orang beriman itu: Wahai kaumku! Turutlah (nasihatku), aku akan menunjukkan kepada kamu jalan yang benar. Wahai kaumku! Sesungguhnya kehidupan dunia ini hanyalah kesenangan (untuk sementara

waktu sahaja) dan sesungguhnya hari akhirat itulah sahaja negeri yang kekal.
(al-Quran, Surah Ghafir, 40:37-39)

Jelasnya, *al-Tikrar* di dalam al-Quran dapat menarik perhatian pembaca dan pendengar agar ia dapat mengambil iktibar dan peringatan terhadap mesej pada sesuatu ayat, surah atau penceritaan di dalam al-Quran. Bahkan, *al-Tikrar* mampu membangkitkan serta merangsang pembaca dan pendengar supaya tidak terus berada di dalam kondisi kelalaian serta kealpaan. Tambahan lagi, penggulangan penceritaan di dalam al-Quran khususnya bertujuan untuk memastikan pengajaran terhadap sesuatu penceritaan terkesan di dalam hati serta ia dapat digambarkan penceritaan tersebut di dalam pemikiran pembaca dan pendengar (al-Zamakhsyariyy 1407:439).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kertas kerja ini menonjolkan kehebatan *asalib* atau gaya bahasa al-Quran dengan melihat lebih dekat terhadap peranan yang dimainkan oleh *uslub al-Tanbih* dalam menvariasikan dan mempelbagaikan pemaknaan yang mempunyai maksud dan tujuan yang tertentu. Secara ironinya, *uslub al-Tanbih* tidak wajar difahami sebagai satu gaya atau pemaknaan yang membawa kepada satu cara iaitu *uslub al-Nida'* untuk menarik perhatian semata-mata walaupun pada takrifan bahasanya ia memang membawa maksud sebegitu. Dalam ruang perbahasan analisis sebentar tadi telah menemukan empat contoh *asalib* atau pemaknaan-pemaknaan *uslub al-Tanbih* yang terdapat dalam al-Quran iaitu *uslub al-Istifham* atau cara pertanyaan, *uslub al-Du'a'* iaitu cara permohonan, *huruf hijai'iyyah* dan yang terakhir *uslub al-Tikrar* iaitu cara penggulangan. Kesemua *asalib* ini pada asasnya adalah di bawah *uslub al-Tanbih* bagi menarik perhatian pihak kedua yang mampu memberi kesan terhadap jiwa dan akal apabila fakta tersebut dirujuk menerusi *aqwāl mufassirin* dan *aqwāl ahl-Lughah al-'Arabiyyah*. Sebagai contoh, *uslub al-Istifham*, secara asasnya ia bertujuan untuk pertanyaan bagi mendapatkan penjelasan di atas sesuatu perkara yang tidak di ketahui. Namun, persoalan yang dilontarkan kepada pihak kedua telah menyebabkannya berfikir lalu tahap perhatiannya semakin tinggi terhadap isi kandungan yang telah dilontarkan oleh pihak pertama. Adakalanya, persoalan yang diajukan kepada pihak kedua tidak berhajat kepada jawapan akan tetapi tujuan utamanya ialah menarik perhatian pihak kedua semata-mata samada untuk menyentap atau menegur di atas kesalahan yang telah dilakukan olehnya. Selain itu, huruf *al-Muqatta'ah* juga adalah satu *uslub* yang membawa elemen *al-Tanbih* walaupun padanya tidak ada tanda-tanda huruf *uslub al-Tanbih* yang diseru atau tidak diseru. Ianya telah berperanan menarik perhatian serta mempesona pihak kedua sebelum sesuatu perkara disampaikan. Oleh yang demikian, kepelbagaian *asalib* yang terdapat di dalam al-Quran yang membawa elemen *al-Tanbih* ini diantara bukti bahawa al-Quran adalah mukjizat yang datang daripada Allah SWT.

RUJUKAN

- al-Quran al-Karim
'Abd al-'Aziz 'Atiq. 2009. *'Ilm al-Ma'aniyy*. Bayrut: Dar al-Nahdat al-'Arabiyyah Li al-Tiba'ah Wa al-Nasyr Wa al-Tawzi'.

- ‘Abd al-Fattah Muhammad. t.t. *al-Tanbih Fi al-Lughah*. Hims:Jami‘ah al-Ba‘th - Hims.
- ‘Abd al-Hamid Hamudiyy ‘Ilwan. 2005. *al-Tanbih Adawatih Wa Asalibih Dirasah Nahwiyyah Dilaliyyah*. Jami‘ah Baghdad
- ‘Ali al-Jarim dan Mustafa Amin. t.t. *al-Balaghah al-Wadihah al-Bayan al-Maa‘niyy al-Badii*’, Dar al-Maarif.
- ‘Ali Ibn Muhammad al-Diba‘. 2005. *Minhah Dhi al-Jalal Fi Syarh Tuhfat al-Atfal*. Maktabah Awlad al-Syaykh Li al-Turath.
- ‘Azizah Fawwal Babatiyy. 1992. *al-Mu‘jam al-Mufassal Fi al-Nahw al-‘Arabiyy*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Fayruz Abadiyy, Majduddin Abu Tahir Muhammad Ibn Ya‘aqub. 2005. *al-Qamus al-Muhit*. Bayrut: Muassasah al-Risalah li Tiba‘ah wa Tawzi‘.
- al-Jawhary al-Farabiyy, Abu Nasr Ismail Ibn Hammad. 1987. *al-Sahah Taj al-Lughah Wa Sahah al-‘Arabiyyah*. Bayrut: Dar al-‘Alam Li al-Malayin.
- al-Jurjaniyy, ‘Ali Ibn Muhammad Ibn ‘Ali Zayn al-Syarif. 1983. *al-Ta‘rifat*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Malikiyy, Ahmad Ibn ‘Abd al-Nur al-Malikiyy. 1394H. *Rasf al-Mabaniyy Fi Syarh Huruf al-Ma‘aniyy*. Dimasyq: Matbu‘at Mujamma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah.
- al-Raghib al-Asfahaniyy, Abu Qasim al-Husayn Ibn Muhammad. 1412H. *al-Mufradat Fi Gharib al-Qur‘an*. Dimasyq & Bayrut: Dar al-Qalam dan al-Dar al-Syamiyyah.
- al-Tunjiyy, Muhammad dan al-Asmar, Rajiyy. t.t. *al-Mu‘jam al-Mufassal Fi ‘Ulum al-Lughah*, t.pt, t.tp.
- al-Zabidiyy, Muhammad Ibn Muhammad Ibn ‘Abd al-Razzaq al-Husayniyy Ibn Faris. t.t. *Taj al-‘Arus*. Dar al-Hidayah.
- al-Zamakhsyariyy, Abu al-Qasim Mahmud Ibn Amru Ibn Ahmad. 1407H. *al-Kasysyaf ‘An Haqaiq Ghawamid al-Tanzil*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- al-Zamakhsyariyy, Abu al-Qasim Mahmud Ibn Amru Ibn Ahmad. 1998. *Asas al-Balaghah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah..
- al-Zurqaniyy, Muhammad ‘Abd al-‘Azim. t.t. *Manahil ‘Irfan Fi ‘Ulum al-Qura‘n*. Matbaa‘ah ‘Isa al-Bab al-Halabiyy Wa Syarikah.
- al-Zuhayliyy, Wahbah Ibn Mustafa. 2006. *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh al-Islamiyy*, Dimasyq: Dar al-Khayr Li al-Tiba‘ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi‘.
- Ahmad Mukhtar ‘Umar. 2008. *Mu‘jam al-Sowwab al-Lughawiyy Dalil al-Muthaqqaf al-‘Arabiyy*. Kaherah:‘Alim al-Kutub.
- Ahmad Hasan al-Zayyat. 1967. *Difaa‘ ‘An al-Balaghah*, ‘Aalim al-Kutub.
- Badwiyy Tabanah. 1998. *Mu‘jam al-Balaghah al-‘Arabiyyah*, Dar al-Manarah Li al-Nasyr Wa al-Tawzi‘,
- Fathallah Salih al-Misriyy. t.t. *al-Adawat al-Mufidah Li al-Tanbih Fi Kalam al-‘Arab*. Dar al-Wafa’ Li al-Tiba‘ah Wa al-Nasyr Wa al-Tawzi‘.
- Fadl Hasan ‘Abbas. 1997. *al-Balaghah Fununuha Wa Afnanuha ‘Ilm al-Ma‘aniyy*. Jordan: Dar al-Furqan.
- Fakhir ‘Akil. 1985. *Mu‘jam ‘Ilm al-Nafs*. Bayrut: Dar al-‘Ilm Li al-Malayin.
- Ibn Faris, Ahmad Ibn Faris Ibn Zakariyya’ al-Qazwiniyy al-Raziyy. t.t. *Mu‘jam Maqayis Lughah*. Darul Fikr.

- Ibn Jinniyy, Abu al-Fath ‘Uthman Ibn Jinniyy al-Musiliyy. t.t. *al-Khasais*. al-Hay’at al-Misriyyat al-‘Ammat Li al-Kitab.
- Ibn Malik, Muhammad Ibn ‘Abd al-Lah Ibn Malik al-Ta’iyy al-Jiyaniyy. t.t. *Syarh al-Kafiyah al-Syafiyah*. Jami‘ah Umm al-Qurra Markaz al-Bahth al-‘Ilm Wa Ihya’ al-Turath al-Islami Kuliyyah al-Syari‘ah Wa al-Dirasat al-Islamiyyah, Makkat al-Mukarramah.
- Ibn Ya‘isy, Ya‘isy Ibn ‘Ali Ibn Ya‘isy Ibn Abi al-Saraya Muhammad Ibn ‘Ali. 2001. *Syarh al-Mufassal Li Zamakhsyariyy*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibrahim al-Samira’iyy. 1987. *Min Asalib al-Qur’an*. Dar al-Furqan dan Muassasat al-Risalah.
- Imil Badi‘ Ya‘qub dan Misyal ‘Asiyy. 1987. *Mu‘jam al-Mufassal Fi al-Lughah Wa al-Adab*. Bayrut: Dar al-‘Ilm al-Malayin.
- Imil Badi‘ Ya‘qub. t.t. *Mu‘jam al-Mufassal Fi al-Jumu‘*, Bayrut: Dar Kutub al-‘Ilmiyyah.
- In‘aam Fawwal ‘Akkawiyy. 2006. *al-Mu‘jam al-Mufassal Fi ‘Ulum al-Balaghah al-Badii‘ Wa al-Bayan Wa al-Ma‘aniyy*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Jalal al-Din al-Qazwiniyy al-Syafi‘iyy. t.t. *al-Idah Fi ‘Ulum al-Balaghah*. Bayrut: Dar al-Jayl.
- Jamaluddin Ibn Manzur, Muhammad Ibn Mukrim Ibn ‘Ali. 1414. *Lisan al-‘Arab*, Bayrut: Dar Sadir.
- Jamil Saliba. 1982. *al-Mu‘jam al-Falsafiyy Bi Alfaz al-‘Arabiyyah Wa al-Faransiyyah Wa Injiliziyah Wa al-Latiniiyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Lubnaniyy.
- Mawhub Ahmad. 2006. *al-Wazifat al-Tanbihiyah Fi Surah al-Baqarah*. Qasantinah: Jami‘ah Manturiyy.
- Muhammad ‘Ali al-Sabuni. 1997. *Safwat al-Tafasir*. al-Qahirah: Dar al-Sabuniyy Li al-Tiba‘ah Wa al-Nasyr Wa al-Tawzi‘.
- Muhammad al-Khudariyy. 1995. *Hasyiyah al-Khudariyy ‘Ala Syarh Ibn ‘Aqil ‘Ala Alfiyyah Ibn Malik*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- .